

## **Transformasi dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Johor Bahru**

### *Transformation and Business Performance of Malay Entrepreneurs in Small and Medium Enterprises in Johor*

Muhamad Asri Abd Ghani [taufikwn@yahoo.com.my](mailto:taufikwn@yahoo.com.my)  
Zaimah Darawi [zd@ukm.my](mailto:zd@ukm.my)  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

#### **ABSTRAK**

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan antara pemangkin utama terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hampir 99.2 peratus daripada keseluruhan usahawan di Malaysia merupakan peniaga IKS yang telah mendaftar dan telah menyumbang sebanyak 32 peratus daripada KDNK. Menyadari penting dan signifikannya manfaat dan sumbangan industri ini kepada ekonomi negara dan selaras dengan agenda kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, kerajaan telah menyediakan pelbagai peluang dan bantuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menceburkan diri dalam bidang perniagaan di peringkat kecil-kecilan sehinggalah ke skala besar dan antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor mendorong transformasi di kalangan usahawan Melayu di Johor Bahru daripada pekerjaan asal kepada bidang perniagaan. Selain itu, kajian ini juga menganalisis tahap prestasi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan instrumen yang digunakan untuk mengutip data adalah kaedah temu bual dan borang soal selidik yang mengandungi 6 item utama. Sampel kajian adalah terdiri daripada 500 pengusaha kecil dan sederhana di sekitar kawasan Johor Bahru dalam pelbagai sektor. Hasil dapatan kajian kemudian di analisis menggunakan kaedah statistik analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratus serta analisis korelasi berdasarkan suatu model bagi penilaian prestasi. Bagi memudahkan penganalisan, perisian SPSS (Statistical Product and Service Solutions) digunakan. Keputusan kajian secara umumnya menunjukkan bahawa faktor inisiatif diri sendiri, dorongan keluarga dan agama merupakan faktor utama yang mendorong mereka menceburi bidang usahawan manakala faktor latar belakang diri, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi/kerajaan merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi prestasi perniagaan.

Kata kunci: Transformasi dan Prestasi, Enterprais Kecil dan Sederhana (EKS), Johor Bahru

#### **ABSTRACT**

*Small and Medium Industries (SMI) is one of the main catalysts for economic growth in Malaysia. Nearly 99.2 percent of total business entrepreneurs in Malaysia are SMEs who have registered and have accounted for 32 percent of GDP. Recognizing the importance and significance of benefits and contributions to this industry to the economy and in line with the government's agenda to achieve a high income country status by 2020, the government has provided various opportunities and assistance to encourage Malaysians to venture into business on a small stage up to the scale large and international. This study aims to identify factors induce transformation of Malay entrepreneurs in Johor Bahru from the original work to the business. In addition, this study also analyzes the level of performance and factors influencing it. This study used a quantitative approach and the instruments used to collect data was the interview and a questionnaire consisting of six main items. The sample consists of 500 small and medium enterprises in the vicinity of Johor Bahru in various sectors. The findings then were analyzed using descriptive statistical methods of analysis such as frequencies and percentages and correlation analysis based on a model for performance evaluation. To facilitate analysis, SPSS (Statistical Product and Service Solutions) was used. The results generally showed that the initiatives themselves, family and religious motivation are key factors that led them to venture into entrepreneurial and personal background, business*

*management skills, skills, networks and support institutions/government is a significant factor affecting business performance.*

*Keyword: Transformation and Performance, Small Medium Enterprise (SME), Johor Bahru*

## **PENGENALAN**

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam sektor pembuatan di Malaysia. Menurut SMIDEC (2002) dan Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005, terdapat 518,996 buah pertubuhan PKS di Malaysia yang mewakili sebanyak 99.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan di Malaysia yang terdiri daripada sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor pertanian manakala selebihnya sebanyak 0.8 peratus pertubuhan perniagaan merupakan perusahaan besar. Selain itu, nilai ditambah produk dari IKS ini dijangka akan bernilai sekitar RM120 bilion atau 50 peratus daripada jumlah pengeluaran dalam sektor pembuatan pada tahun 2020. Namun begitu, sumbangan IKS kepada KDNK negara iaitu hanya 32 peratus pada tahun 2006 masih lagi di tahap yang rendah berbanding negara-negara lain seperti China (60%), Jepun (55.3%), dan Jerman (57%).

Kejayaan proses perindustrian di negara-negara melalui sumbangan IKS yang kukuh seperti di China, Jepun, Jerman membuktikan kepentingan peranan yang dimainkan oleh IKS sebagai industri sokongan dan pelengkap dalam proses perindustrian negara. Malahan negara kuasa besar ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat turut dipengaruhi oleh sumbangan IKS sebanyak 40% kepada pendapatan negara. Sumbangannya di Malaysia merangkumi beberapa aspek termasuk mewujudkan peluang pekerjaan, membantu sistem pengagihan pendapatan di kalangan masyarakat dengan lebih adil, mengurangkan import negara dan menjimatkan pertukaran wang asing.

Sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, pelbagai strategi telah dijalankan bagi mencapai keseimbangan ekonomi antara kaum dan salah satu dari strategi yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang untuk menyusun semula masyarakat ialah untuk melahirkan Usahawan Bumiputera dalam semua kegiatan ekonomi. Selaras dengan itu, pelbagai program telah dijalankan dan terdapat lebih kurang 40 agensi daripada 14 kementerian (Mat Hassan Es, 1996) terlibat dalam usaha ini. Hasil dari program-program tersebut, ramai usahawan Bumiputera telah diwujudkan iaitu dari seramai 24,549 usahawan yang berdaftar pada tahun 1971 telah meningkat kepada 78,871 orang dalam tahun 1980 dan kepada 206,645 orang khususnya dalam perniagaan tunggal dan perkongsian pada tahun 1987.

Sejarah menunjukkan orang Melayu telah terlibat dalam bidang perdagangan dan keusahawanan sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Buktinya, Selat Melaka dan Pelabuhan Melaka menjadi antara laluan dan pelabuhan yang tersibuk di dunia pada ketika itu. Sejarah juga menunjukkan orang Melayu merupakan pedagang yang cekap dan menguasai perdagangan maritim. Laluan perdagangan mereka bukan sahaja terhad di kawasan Asia Tenggara, tetapi juga di benua lain. Ini menunjukkan bidang keusahawanan ini amat dekat dan sehati dengan masyarakat Melayu sebelum kedatangan penjajah ke Tanah Melayu. (Zafir & Fazilah, 2003).

Isu penyertaan golongan Bumiputera dalam bidang keusahawanan di peringkat nasional khususnya IKS semakin sering di tekankan. Selaras dengan agenda pembangunan ekonomi dan sosial untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan kental pada masa hadapan, penekanan perlu diberi kepada aspek agihan pendapatan yang seimbang dan keadilan sosial di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Masyarakat Melayu sering dianggap tersisih dan jauh ketinggalan di belakang dalam semua aspek berbanding dengan golongan lain. Oleh itu, golongan Melayu kini perlu mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan dan transformasi yang drastik dari semua aspek khususnya dari segi pemikiran dan mentaliti untuk meceburikan bidang keusahawanan bagi meningkatkan kekuatan dan kemantapan ekonomi untuk bersaing secara sihat dengan bangsa lain dan tidak terus ketinggalan dalam perjalanan negara menuju negara berpendapatan tinggi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pada masa kini, transformasi kepada budaya keusahawanan semakin diterapkan dalam kalangan rakyat. Kesungguhan kerajaan dapat dilihat daripada inisiatifnya memberi bantuan dan pakej rangsangan kepada IKS. Terbaru sebanyak RM 1 bilion telah diperuntukkan untuk membangun serta meningkatkan penglibatan

dan ekuiti usahawan Bumiputera dalam pembangunan masa hadapan. Penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 1995 yang berperanan sebagai agensi utama yang melahir , membangun serta memberi bimbingan kepada bakal usahawan dan usahawan sedia ada turut membantu proses transformasi budaya keusahawanan ini. Selain itu, terdapat agensi lain yang ditubuhkan untuk memberi bimbingan dan latihan kepada usahawan seperti MARDI, MARA, SIRIM, MIDA dan MIDF. Menyedari masalah sumber dana dan modal yang menghambat golongan usahawan, pelbagai institusi kewangan seperti TEKUN Nasional, Agensi MARA, SME Bank di wujudkan untuk berfungsi sebagai pemberi sumber dana dan pembiayaan modal untuk melahirkan lebih ramai golongan usahawan. (Mohamed Khaled, 2007).

Dalam kes Malaysia, bidang keusahawanan dan perniagaan lebih dikuasai oleh kaum Cina. Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah British di Tanah Melayu pada zaman dahulu telah menyebabkan masyarakat Cina lebih banyak menyertai aktiviti perniagaan manakala masyarakat Melayu lebih tertumpu kepada bidang pertanian dan nelayan di kampung-kampung dan kawasan pedalaman. Kajian selama 15 tahun ke atas kaum Bumiputera masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum bukan Bumiputera. Pada tahun 1990 contohnya, pendaftaran dalam perniagaan tunggal oleh kaum Bumiputera sebanyak 889, sementara kaum Cina adalah sebanyak 2661. Menjelang tahun 1993, jurang perbezaan ini begitu ketara iaitu penyertaan Bumiputera adalah sebanyak 1119 berbanding 3624 oleh kaum Bumiputera. Walaupun kadar peningkatan kaum Bumiputera ini masih rendah berbanding golongan bukan Bumiputera, penglibatan Bumiputera dalam bidang ini menunjukkan trend yang positif. Perkembangan ini seharusnya diteruskan dan diberi sokongan agar lebih ramai lagi kaum bumiputera khususnya Melayu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Tambahan lagi, perkembangan pesat ekonomi negara pada masa kini diharap akan menggamit lebih ramai kaum Melayu untuk melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Menenalpasti latar belakang responden dan profil perniagaan usahawan Melayu di Johor Bahru.
- ii. Menenalpasti faktor-faktor transformasi bidang dan pekerjaan responden daripada pekerjaan lama kepada bidang keusahawanan.
- iii. Menilai prestasi perniagaan usahawan EKS Melayu di Johor Bahru dan menenalpasti faktor-faktor keusahawanan yang mempengaruhi prestasi kejayaan perniagaan usahawan Melayu tersebut.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian ini hanya tertumpu kepada golongan Melayu Bumiputera yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan keusahawanan Enterpris Kecil dan Sederhana di sekitar Johor Bahru. Usahawan yang terlibat dalam kajian ini bukan sahaja tertumpu kepada satu sektor sahaja tetapi merangkumi pelbagai sektor seperti perniagaan tani, perkhidmatan, peruncitan dan borong, pembuatan dan restoran.

## **KAJIAN LEPAS**

Sebelum ini, telah banyak kajian-kajian yang telah dilakukan mengenai penglibatan masyarakat ke bidang perniagaan dan keusahawanan serta prestasi kemajuan perniagaan usahawan. Proses transformasi dalam keusahawanan sering dibincangkan melalui pertukaran bidang dan peralihan sektor perniagaan. Hal ini berpunca daripada beberapa faktor yang memungkinkan usahawan beralih dan bertukar bidang perkerjaan. Antaranya, Nor Aishah Buang dan Yufiza Mohd Yusof (2006) cuba menenalpasti faktor-faktor motivasi yang mendorong kontraktor Kelas F memilih untuk menjadi usahawan. Faktor-faktor motivasi ini terdiri daripada latar belakang keluarga, pendidikan dan faktor psikologi seperti kebebasan, puas hati, kejayaan, pengiktirafan dan peranan penting. Menggunakan Model Pendidikan Keusahawanan dan Proses Pembangunan Usahawan, dapatan kajian mendapati faktor-faktor motivasi yang dibincangkan bukan merupakan faktor pendorong kontraktor kelas F memilih bidang keusahawanan sebaliknya pendedahan kepada pengalaman dan latihan dalam bidang yang sama merupakan faktor pendorong yang utama.

Shahrin dan Goh.K.L (2010) pula mendapati kebanyakan usahawan Bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka menjalankan perniagaan yang berorientasikan makanan seperti restoran dan barangan perhiasaan. Kajiannya mendapati faktor taraf hidup yang lebih baik, status sosial dan pengalaman bekerja mempengaruhi usahawan tersebut untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan dalam sektor perlancongan manakala faktor taraf pendidikan, latihan dan umur kurang berpengaruh. Nor Shazwani Adha binti Ya (2008) pula mengkaji faktor-faktor penglibatan ibu tunggal Melayu dalam perniagaan di Bachok, Kelantan. Dengan menggunakan 30 soal selidik, kajiannya mendapati faktor ekonomi keluarga, minat dan pengalaman memainkan peranan yang penting mempengaruhi penglibatan mereka dalam bidang perniagaan. Kajiannya juga mendapati ibu tunggal tersebut cenderung terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman serta kain pakaian.

Kajian Norashidah Hashim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang (2009) mengenai konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan IKS di Malaysia mendapati kebanyakan usahawan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan. Selain itu, semua peserta mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam perniagaan yang diperolehi sama ada secara formal atau melalui pengalaman bekerja sebelum menjadi usahawan. Chin Yee Whah (2001) pula menganalisis transformasi budaya niaga usahawan Cina di Semenanjung Malaysia. Transformasi dilihat dari segi perubahan psikologi dan budaya niaga usahawan Cina dalam konteks perubahan struktur dasar-dasar ekonomi, politik dan struktur masyarakat Malaysia dari dekad 1960-an hingga akhir dekad 1990-an. Hasil kajian menunjukkan budaya niaga usahawan Cina di Semenanjung Malaysia dalam dekad 1990-an berada di peringkat perubahan daripada perniagaan bentuk lama kepada perniagaan bentuk baru. Transformasi ini disebabkan oleh perubahan besar dalam dasar ekonomi dan struktur masyarakat yang melibatkan asas-asas sosial seperti perubahan pendirian di kalangan usahawan Cina terhadap dasar-dasar kerajaan, dan kemunculan satu kelas kapitalis Bumiputera yang berkebolehan menguruskan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan besar

Chuthamas Chittithaworn et al (2011) mengkaji faktor-faktor mempengaruhi kejayaan perniagaan EKS di Thailand. Kajian ini mengkaji 8 faktor yang mempengaruhi kejayaan perniagaan EKS iaitu ciri-ciri EKS, pengurusan, produk dan perkhidmatan, pelanggan dan pasaran, cara menjalankan perniagaan dan koperasi, sumber dan kewangan, strategi dan persekitaran luaran. Dengan bantuan soal selidik dan temubual, hasil analisis regresi mendapati faktor utama mempengaruhi kejayaan EKS di Thailand adalah ciri-ciri EKS, pelanggan dan pasaran, cara menjalankan perniagaan, sumber dan kewangan dan faktor-faktor luaran.

Zuraini (2000) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kemampuan usahawan Bumiputera di kawasan Sungai Petani, Kedah dalam memajukan perniagaan mereka. Objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor pengetahuan yang dimiliki, sikap usahawan itu sendiri, motivasi diri usahawan untuk berjaya, modal dan barangan yang digunakan serta etika perniagaan yang diamalkan. Dapatan kajian mendapati kesemua faktor tersebut mempengaruhi kemampuan usahawan Bumiputera untuk maju. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa program latihan serta kursus yang dijalankan perlulah menitikberatkan keupayaan dan kesanggupan para usahawan untuk menghadirinya serta mencadangkan pihak-pihak yang berkenaan lebih peka dengan perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera.

Zaim Shah (2009) telah menjalankan kajian mengenai strategi pembuatan terhadap prestasi syarikat IKS di kawasan perindustrian Padang Tembak, Kelantan. Beliau cuba melihat sejauhmana strategi pembuatan iaitu kualiti, kos, tahap penghantaran dan tahap fleksibel yang akan beri kesan kepada prestasi syarikat IKS. Hasil kajian mendapati 4 elemen tersebut adalah penting untuk menjamin sesebuah syarikat mampu bertahan. Selain itu, faktor-faktor lain juga turut mempengaruhi prestasi syarikat seperti tahap kelulusan pengusaha, umur pengusaha, pendapatan dan jumlah pekerja. Namun begitu, dapatan kajian beliau mendapati faktor pengalaman, penubuhan dan jenis pembuatan tidak mempengaruhi prestasi syarikat.

Norhafizah Abdul Razak (2009) pula mengkaji masalah-masalah dan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan peruncitan Melayu di Daerah Hulu Langat. Beliau cuba melihat masalah yang berhubung dengan kenaikan harga barang runcit, masalah kewangan, pembekal, pekerja, pesaing dan pembeli dan juga masalah lokasi perniagaan. Manakala faktor yang diukur untuk menilai kejayaan usahawan adalah faktor sanggup hadapi risiko, berdikari, pengkhususan kerja, yakin diri, minat, persaingan kemahiran dalam perniagaan dan kemahiran dalam pengurusan dan penggunaan masa. Berdasarkan sampel 55 orang responden yang dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan model logistik, hasil kajian mendapati masalah utama yang membelenggu kebanyakan peniaga adalah berhubung

dengan masalah kewangan dan modal. Manakala faktor keyakinan kepada diri sendiri merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan manakala

Kajian Sri Wahyuningsih Munawir (2007) bertujuan mengkaji dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS di Melaka berdasarkan soal selidik daripada 88 orang responden usahawan IKS. Dengan menggunakan model regresi logistik, beliau mendapati terdapat lapan faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan IKS, iaitu sifat-sifat usahawan, pengaruh hubungan dengan pihak luar, pengaruh lokasi, pengaruh produk, pengaruh pendidikan, pengaruh pengalaman, pengaruh modal dan pengaruh globalisasi. Di antara faktor tersebut, hanya faktor modal sahaja yang mempunyai pengaruh yang signifikan dan bernilai positif dalam menentukan kejayaan usahawan IKS.

Rogoff et al (2004) pula mengkaji sumbangan pengusaha dan pakar yang mempengaruhi kejayaan perniagaan kecil di Amerika. Beliau menggunakan soal selidik ke atas pemilik farmasi, pemilik perniagaan kecil dan profesor keusahawanan. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat 11 faktor mempengaruhi kejayaan perniagaan kecil iaitu latar belakang individu, pengurusan, kewangan, pasaran, modal manusia, situasi ekonomi, produk, persaingan, peraturan, teknologi dan faktor persekitaran. Kemudian, Bruce R. B & Ireland R.D (2010) pula mendapati faktor untuk menjadi bos kepada sesuatu syarikat atau perniagaan dan tidak mahu makan gaji, faktor keinginan idea mereka direalisasikan dan faktor pulangan kewangan merupakan faktor utama mengapa menjadi usahawan. Man et al (2002) membahagikan faktor kejayaan EKS kepada tiga faktor iaitu faktor dalaman, persekitaran luaran, dan pengaruh pengusaha. Struktur demografi pengusaha, psikologi dan ciri-ciri tindakan kelakuan serta kemahiran pengurusan dan teknologi merupakan faktor utama yang mempengaruhi prestasi EKS.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Latar Belakang Kawasan Kajian**

Johor Bahru merupakan nama ibu negeri Johor dan juga nama daerah metropolitan yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Johor Bahru merupakan bandar raya kedua terbesar di dalam negara Malaysia selepas Kuala Lumpur. Ia terletak di koordinat latitud 1°29' U dan longitud 103°44' T di pinggir Selat Tebrau yang memisahkan Malaysia dari Singapura. Mempunyai keluasan sebanyak 185 km<sup>2</sup>, daerah metropolitan Johor Bahru dikelilingi tanah pantai yang mengandungi paya dan sistem sungai yang penting seperti Sungai Johor, Sungai Pulai dan Sungai Tebrau. Asalnya daerah ini didiami oleh masyarakat petani yang melakukan aktiviti pertanian berskala kecil dan nelayan tradisional yang menangkap ikan di kawasan persisiran pantai.

### **Perkembangan Ekonomi di Johor Bahru**

Dengan jumlah penduduk lebih kurang 2.6 juta di daerah metropolitan, Johor Bahru merupakan satu pusat perindustrian, perdagangan, dan pelancongan yang utama. Pelancongan adalah penyumbang yang besar dalam ekonomi Johor Bahru yang mana 60% daripada pelancong-pelancong yang melawati Malaysia setiap tahun berkunjung melalui negara Singapura. Walau bagaimanapun, perkembangan perindustrian di Johor Bahru yang begitu pesat telah menjadikannya sebagai salah satu pusat perindustrian, logistik dan perdagangan yang penting. Industri-industri utamanya termasuk kilang-kilang elektronik, kilang-kilang membina kapal, dan juga kilang-kilang penapis bahan sumber semulajadi dan bahan kimia daripada petroleum.

Johor Bahru menikmati hubungan ekonomi yang rapat dengan Singapura. Ramai penduduk Johor Bahru bekerja di Singapura berikutan kadar gaji yang lebih tinggi daripada di Malaysia bagi kerja yang sama, sebahagiannya disebabkan nilai Dolar Singapura yang lebih kukuh. Atas sebab yang sama, ramai warga Singapura melawat Johor Bahru untuk membeli-belah, berhibur dan makan, atau menetap di sini. Ramai warga Singapura yang memiliki hartanah, perniagaan serta kilang di Johor Bahru. Dianggarkan seramai 300,000 warga Malaysia bekerja di republik itu dan seramai 150,000 orang menaiki kenderaan berulang-alik untuk bekerja di Singapura.

Johor Bahru terus berkembang menjadi kawasan metropolitan besar apabila wujudnya pelan induk Wilayah Pembangunan Iskandar, dengan dijangka bilangan penduduk melebihi 3 juta orang menjelang tahun 2025, terbesar yang kedua di Malaysia selepas Lembah Klang. Pertumbuhan penduduk dijangka akan melimpah sehingga ke daerah berjiranan iaitu Pontian dan Kota Tinggi, menghasilkan satu kawasan

perbandaran yang boleh jadi lebih besar daripada anggaran pelan induk tersebut, berkemungkinan lebih ganda lima kali saiz Singapura.

### **Teknik persampelan**

Sampel diperolehi daripada kajian lapangan ke atas 500 responden usahawan Melayu EKS di Johor Bahru bagi lima sektor yang merangkumi perniagaan tani, perkhidmatan, pengangkutan, peruncitan dan borong, pembuatan dan restoran. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 5 bahagian iaitu latar belakang responden, latar belakang perniagaan, pemilikan harta, prestasi kejayaan dan faktor-faktor keusahawanan.

### **Kaedah Penganalisan Data**

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Product and Service Solution (SPSS) version 19.0* dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Statistik deskriptif merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk menyusun dan membuat interpretasi terhadap data mentah (Malim dan Birch, 1997). Antara teknik yang digunakan untuk menghuraikan statistik deskriptif ialah nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihai piawai. Selain itu, analisis regresi berbilang turut digunakan dalam kajian ini untuk melihat faktor utama yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu di Johor Bahru manakala teknik Crosstab dan ujian khi kuasa dua digunakan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi transformasi bidang dan pekerjaan responden.

### **Model Kajian**

Bahagian ini membincangkan mengenai model yang diwujudkan daripada objektif kajian untuk melihat faktor yang signifikan dalam mempengaruhi kejayaan dan prestasi perniagaan usahawan EKS Melayu di Johor Bahru. Model yang diwujudkan adalah seperti berikut:

$$Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8$$

di mana,

- Y = Prestasi Kejayaan Perniagaan
- $\alpha$  = Pemalar
- $\beta$  = Pekali
- X1 = Latar Belakang Diri
- X2 = Latar Belakang Keluarga
- X3 = Kemahiran Mengurus Perniagaan
- X4 = Kemahiran Kepimpinan
- X5 = Kemahiran Analitikal
- X6 = Kemahiran Jaringan
- X7 = Sokongan institus/ kerajaan
- X8 = Faktor Persekitaran/ Sejarah Johor Bahru

## **PERBINCANGAN HASIL KAJIAN**

### **Profil Responden**

Jadual 1 menunjukkan profil responden. Daripada sejumlah 500 responden, majoriti responden adalah lelaki sebanyak 57.4% manakala selebihnya sebanyak 42.6% adalah wanita. Kebanyakan responden berumur antara 36-45 tahun yang mewakili 37.2% atau 186 orang daripada keseluruhan. Majoriti responden yang mewakili 86.2% telah berkahwin dan mempunyai keluarga manakala sebanyak 3.8% berstatus janda/duda. Majoriti responden yang ditemubual terdiri daripada penduduk asal Johor Bahru sebanyak 414 orang (82.8%) dan 74.4 % daripada keseluruhan responden berketurunan Melayu Tulen. Taburan tahap pencapaian pendidikan tertinggi pula menunjukkan lebih separuh daripada mereka

mempunyai pendidikan menengah rendah (58.8%) dan hanya 1.6% tidak bersekolah. Ini menunjukkan tahap pendidikan tidak memainkan peranan penting yang mendorong mereka menceburi bidang keusahawanan. Sebanyak 96.4% responden menjadikan perniagaan yang dijalankan sekarang sebagai pekerjaan utama mereka. Kebanyakan responden meraih pendapatan bulanan isi rumah antara RM4501-RM6000 (26.4%) diikuti sebanyak 23.8% yang mempunyai pendapatan bulanan isi rumah sebanyak RM2501-RM3500 manakala hanya 0.2% yang mempunyai pendapatan isirumah kurang daripada RM1000. 228 responden (45.6%) mempunyai bilangan anak antara 3-5 orang tetapi hanya 10.8% daripada keseluruhan bilangan anak yang turut terlibat dalam bidang perniagaan.

### **Transformasi Pekerjaan Responden dan Ahli Keluarga**

Jadual 2 menunjukkan transformasi pekerjaan yang berlaku melibatkan ahli keluarga usahawan termasuk suami/isteri, emak, ayah, datuk, nenek dan bapa/ibu mertua. Didapati bahawa sebahagian besar suami/isteri kepada responden (30.6%) juga adalah dari kalangan peniaga manakala majoriti ibu dan nenek responden merupakan suri rumah dengan peratus masing-masing sebanyak 60.2% dan 65.0%. Hasil kajian juga menunjukkan bapa dan datuk kepada responden terdiri daripada petani sebanyak 32.0% dan 63.0% manakala majoriti bapa/ibu mertua responden terdiri daripada kakitangan swasta dan suri rumah dengan peratusan yang sama sebanyak 19.2%. Ini menunjukkan berlakunya transformasi daripada bidang pertanian kepada bidang perniagaan daripada generasi terdahulu kepada generasi kini di mana peratusan yang menyertai bidang pertanian semakin berkurang daripada datuk (63.0%) kepada bapa hanya 32.2%. Seterusnya transformasi berlaku pada generasi kini dimana bilangan suami/isteri yang menyertai bidang pertanian hanya 1.8% dimana lebih banyak yang bertukar pekerjaan menjadi peniaga.

Jadual 3 pula menunjukkan transformasi pekerjaan yang berlaku kepada responden sebelum melibatkan diri dalam perniagaan kini. Didapati sebanyak masing-masing 1.8% usahawan pernah berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan dan swasta. Ini diikuti dengan suri rumah sebanyak 1.6% dan hanya 0.2% usahawan yang melakukan transformasi bidang daripada bidang pertanian kepada keusahawanan.

Jadual 4 menunjukkan sebab-sebab responden bertukar atau beralih ke bidang perniagaan kini. Majoriti responden menyatakan faktor inisiatif diri sendiri merupakan faktor utama yang mendorong mereka beralih ke bidang perniagaan kini iaitu sebanyak 81.0%. Ini menunjukkan mereka telah menyedari potensi dan kelebihan daripada menyertai bidang perniagaan ini. Ini diikuti oleh faktor dorongan keluarga sebanyak 36.0%, faktor agama sebanyak 6.0%, faktor dorongan rakan-rakan sebanyak 4.0%, kehilangan pekerjaan sebanyak 2.6%. Manakala faktor kemudahan dan latihan yang disediakan, pengisytiharan Johor Bahru sebagai bandaraya dan lain-lain masing-masing sebanyak 1.2%, 1.0% dan 1.0%.

### **Profil Perniagaan Responden**

Majoriti usahawan sebanyak 61.8% di Johor Bahru memulakan operasi perniagaan mereka selepas tahun 2000. 39.8% atau 199 responden menjalankan perniagaan jenis peruncitan dan pemborongan diikuti oleh perniagaan restoran dan perkhidmatan sebanyak 23.0% dan 19.2% masing-masing. Hanya 9 orang responden (1.8%) yang menjalankan aktiviti perniagaan tani. Majoriti responden menjalankan perniagaan dengan status pemilikan tunggal iaitu sebanyak 90.2%. Dari segi bilangan pekerja pula, kebanyakan usahawan mempunyai pekerja seramai 1-10 orang dan hampir separuh daripada mereka iaitu sebanyak 49.8% menyatakan bahawa modal permulaan mereka adalah lebih daripada RM10,000 yang diperolehi daripada hasil wang simpanan mereka sendiri. Ini menunjukkan majoriti perniagaan usahawan merupakan perusahaan mikro.

### **Prestasi Kejayaan Dalam Pertambahan Modal dan Aset**

Jadual 6 menunjukkan prestasi kejayaan perniagaan yang digambarkan melalui pertambahan dalam aset dan pemilikan harta yang diperolehi oleh usahawan selepas menjalankan aktiviti perniagaan. Terdapat tiga aset dan harta milik responden yang dikenalasti untuk kajian iaitu rumah, kedai/restoran dan kenderaan meliputi kereta/van. Daripada jadual, majoriti usahawan (81.2%) memiliki rumah dalam tempoh 1990-1999 iaitu sebanyak 39.4% dan dimiliki melalui sewa beli (58%). Pemilik kedai restoran hanya sebanyak 11.8% dan kebanyakan usahawan memilikinya selepas tahun 2000 (6.6%) dan pemilikannya juga secara sewa beli (4.8%). Pemilikan aset dari segi kereta /van pula menunjukkan hampir kesemua usahawan mampu

memilikinya iaitu sebanyak 95.2%. Ini disebabkan oleh keperluan mereka untuk mempunyai kenderaan untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka seperti mengambil barang dan sebagainya. Pemilikan kenderaan ini juga adalah selepas tahun 2000 (82.4%) dan turut dimiliki melalui kaedah sewa beli sebanyak 86.4%. Ini menunjukkan selepas beberapa tahun menjalankan perniagaan, mereka mampu meningkatkan aset pemilikan mereka ke atas rumah, kedai/restoran atau dari segi kenderaan.

### Faktor Mempengaruhi Kejayaan Usahawan

#### Model Regresi Berbilang

Model regresi berbilang digunakan untuk mendapatkan nilai koefisien melalui beta faktor-faktor utama yang mempengaruhi nilai Y iaitu prestasi kejayaan usahawan di Johor Bahru.

$$Y = \alpha + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + \beta_3X_3 + \beta_4X_4 + \beta_5X_5 + \beta_6X_6 + \beta_7X_7 + \beta_8X_8$$

di mana, Y = Prestasi Kejayaan Perniagaan

$\alpha$  = Pemalar

$\beta$  = Pekali

X1 = Latar Belakang Diri

X2 = Latar Belakang Keluarga

X3 = Kemahiran Mengurus Perniagaan

X4 = Kemahiran Kepimpinan

X5 = Kemahiran Analitikal

X6 = Kemahiran Jaringan

X7 = Sokongan Institus/ Kerajaan

X8 = Faktor Persekitaran/Sejarah Johor Bahru

#### Keputusan Regresi Model

$$R^2 = 0.417$$

$$F = 43.571$$

\*\* = Signifikan 99% aras keyakinan

$$Y = 4.198 - 0.440X_1^{**} - 0.046X_2 + 0.354X_3^{**} - 0.057X_4 - 0.030X_5 + 0.319X_6^{**} + 0.157X_7^{**} + 0.45X_8$$

Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati faktor latar belakang diri secara signifikan mempengaruhi prestasi kejayaan usahawan Melayu di Johor Bahru pada aras keertian 95%.Walaubagaimanapun, wujud hubungan negatif antara prestasi kejayaan dengan latar belakang diri. Selain itu, kemahiran mengurus perniagaan dan kemahiran jaringan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada prestasi kejayaan usahawan Melayu di Johor Bahru.

Sokongan institusi/kerajaan juga merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi prestasi kejayaan usahawan Melayu di Johor Bahru. Ini kerana usahawan Melayu sering mempunyai masalah dari aspek modal dan latihan keusahawanan. Maka bantuan daripada kerajaan ini telah berjaya mencapai matlamat untuk membantu usahawan Melayu meningkatkan perniagaan mereka.

Namun, agak memeranjatkan apabila faktor persekitaran atau sejarah Johor Bahru bukan merupakan penyumbang kepada prestasi kejayaan keusahawanan kerana kedudukan Johor Bahru yang menjadi tumpuan pelancong terutama daripada Singapura dan perkembangan pesat ekonomi Johor Bahru melalui projek Iskandar Malaysia seharusnya meningkatkan lagi prestasi perniagaan mereka.

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil kajian mendapati terdapat empat faktor penting yang mempengaruhi prestasi perniagaan usahawan EKS Melayu di Johor Bahru iaitu faktor latar belakang diri, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran jaringan dan sokongan institusi/kerajaan.



Kajian ini mencadangkan agar para usahawan Melayu perlulah meningkatkan kemahiran keusahawanan yang sedia ada dalam diri mereka. Mereka perlu melengkapkan diri dengan segala jenis kemahiran dan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang keusahawanan termasuklah kemahiran berkomunikasi dengan pelancong asing melalui peningkatan penguasaan berbahasa Inggeris.

Selain itu, usahawan Melayu ini mestilah bersedia untuk melakukan transformasi dari semua aspek. Bukan sahaja transformasi dari segi pekerjaan dan bidang sahaja, tetapi apa yang lebih penting adalah transformasi sikap, minda dan mentaliti. Mereka perlulah membuang jauh-jauh sifat negatif yang telah lama wujud dalam diri dan mentaliti mereka agar orang Melayu tidak lagi dilabel dengan panggilan yang negatif.

Di samping itu, usahawan Melayu perlulah mengambil inisiatif untuk merebut semua peluang yang ada di sekeliling mereka. Mereka perlulah berani meneroka bidang-bidang perniagaan baru yang belum diceburi oleh kaum lain. Latihan dan bengkel keusahawanan perlulah disertai untuk mendapatkan kemahiran dan jaringan perniagaan yang lebih mudah. Mereka juga perlu sentiasa memikirkan cara untuk mengeluarkan barangan atau produk jualan pada harga yang murah tanpa mengabaikan aspek kualiti untuk bersaing dengan perniagaan yang telah sedia ada.

Pihak kerajaan pula perlulah sentiasa berusaha untuk menyalurkan bantuan dengan cekap dan berkesan kepada golongan usahawan sasaran untuk menarik minat golongan Melayu menyertai bidang perniagaan ini. Kemudahan pinjaman kewangan kepada usahawan Melayu yang baru memulakan perniagaan perlulah dilonggarkan serta tempoh bayaran balik perlulah ditingkatkan bergantung kepada prestasi kewangan perniagaan. Kerajaan juga disarankan menyediakan tapak atau kedai-kedai yang khusus untuk usahawan Melayu dan mempromosikan kawasan tersebut kepada orang ramai.

Selain itu, pihak kerajaan perlulah menyemai budaya keusahawanan dalam diri masyarakat Malaysia sejak dari kecil lagi. Subjek berkaitan perniagaan contohnya subjek perdagangan perlulah di perkenalkan dan diwajibkan sejak sekolah rendah lagi tanpa mengira aliran pendidikan. Langkah ini perlu diteruskan sehingga ke peringkat pendidikan tertinggi seperti universiti agar budaya keusahawanan menjadi sebatik dalam jiwa pelajar dan menjadi pilihan kerjaya mereka pada masa akan datang. Silibus subjek berkenaan pula perlulah dipelbagaikan agar tidak hanya tertumpu kepada teori di dalam kelas sahaja, tetapi juga secara amali agar mereka dapat merasai pengalaman ber

## RUJUKAN

- Ab Aziz Yusof. (2010). *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur. Scholarmind Publishing.
- Bruce. R. B & Ireland. D. R. (2010). *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures*. 3rd Ed. Prentice Hall, New Jersey.
- Chuthamas Chittithawon, Md. Aminul Islam, Thiyada Keawchana, Dayang Haslina. (2010). Factors Affecting Business Success of Small & Medium Enterprises (SMEs) in Thailand. *Asian Social Science* 7 (5): 180-190
- Javed M. J, Muhammad A.K, Ahmed I.H, Rana A.U. R & Rauf-I – Azam. (2011). Determinants of Business Success of Small and Medium Enterprises. *International Journal of Business and Social Science* 2(20), 274-280.
- Man T.W.Y & Lau T.K.F. (2002). The competitiveness of small and medium enterprises: A conceptualization with focus on entrepreneurial competencies. *Journal of Business Venturing* 17 (2): 123-142.
- Moha Asri A. (1997). *Industri Kecil di Malaysia: Pembangunan dan Masa Depan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamed Khalid Nordin. (2007). *Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru melalui Sistem Pendidikan Nasional Dan Pengajian Agama: Gagasan dan Cabaran Merealisasikannya*. Kertas Kerja Jabatan Penagajian Tinggi Malaysia.
- Mohd Khairuddin Hashim. (2011). *Developing Sustainable Small and Medium-Sized Enterprises Through The Strategic Management Approach*. Kedah. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Moi T. C, Ling T.Y, Mansur Tola & Ling C. M. (2011). *Asas Keusahawanan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nor Aishah Buang & Yufiza Mohd Yusof. (2006). Motivating Factors that Influence Class F Contractors to Become Entrepreneurs. *Jurnal Pendidikan* 31, 107-121.

- Norashidah Hashim, Norasmah Othman & Noraishah Buang. (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 187-204
- Rogoff E. G, Lee M, & Suh D. (2004). Who Done It? Attributions by Entrepreneurs and Experts of the Factors That Causes and Impede of Small Business Success. *Journal of Small Business Management* 42 (4): 364-376.
- Shahrin Hashim & Goh K.L. (2010). *Penglibatan Usahawan Bumiputera Dalam Sektor Pelancongan : Satu Kajian Kes Di Kawasan Bandar Hilir, Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sri Wahyuningsih. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana: Kajian Kes di Melaka*. Kertas Ilmiah. Sarjana Ekonomi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun. (2003). *Menjadi Usahawan*. Bentong, Pahang Darul Makmur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. (2001). *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuraini Zakaria. (2000). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemampuan Usahawan Bumiputera di Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam Memajukan Perniagaan Mereka*. Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.

JADUAL 1: Profil Responden

<b>Perkara</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	287	57.4%
Perempuan	213	42.6%
<b>Umur</b>		
Kurang 25	34	6.8%
26-35	111	22.2%
36-45	186	37.2%
46-55	113	22.6%
lebih 55	55	11.0%
<b>Penduduk Asal</b>		
Ya	414	82.8%
Tidak	85	17%
<b>Keturunan</b>		
Melayu Tulen	372	74.4%
Mamak/India Muslim	12	2.4%
Melayu Jawa	72	14.4%
Melayu Arab	12	2.4%
Melayu Bugis	18	3.6%
Cina-Yunan	8	1.6%
Lain-lain	6	1.2%
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Tidak Bersekolah	8	1.6%
Sekolah Rendah	61	12.2%
Menengah Rendah	294	58.8%
Menengah	86	17.2%
Diploma	28	5.6%
Ijazah	17	3.4%
Lain-lain	5	1.0%
<b>Taraf Perkahwinan</b>		
Bujang	50	10.0%
Berkahwin	431	86.2%
Janda	14	2.8%
Duda	5	1/0%

<b>Pekerjaan Utama</b>		
Ya	482	96.4%
Tidak	13	2.6%
<b>Pendapatan</b>		
Bawah RM1,000	1	0.2%
RM1,000-RM2,500	52	10.4%
RM2,501-RM3,500	119	23.8%
RM3,501-RM4,500	101	20.2%
RM4,501-RM6,000	132	26.4%
RM6,000-RM10,000	76	15.2%
RM10,001-RM15,000	7	1.4%
RM15,001-RM20,000	1	0.2%
Lebih RM20,000	3	0.6%
<b>Bilangan anak</b>		
Tiada anak	72	14.4%
1-2	161	32.2%
3-5	228	45.6%
Lebih daripada 5	38	7.8%
<b>Anak Terlibat dalam Perniagaan</b>		
Ya	54	10.8%
Tidak	446	89.2%

JADUAL 2: Pekerjaan Ahli Keluarga Responden

Jenis Pekerjaan	Suami/ Isteri		Ibu		Bapa		Datuk		Nenek		Bapa / Ibu Mertua	
Tidak isi	51	10.0%	15	3.0%	19	3.8%	48	9.6%	41	8.2%	110	22.0%
Kakitangan kerajaan	66	13.2%	11	2.2%	91	18.2%	27	5.4%	5	1.0%	58	11.6%
Kakitangan swasta	102	20.4%	34	6.8%	9.2	18.4%	33	6.6%	8	1.6%	<b>96</b>	<b>19.2%</b>
Suri rumah	103	20.6%	<b>301</b>	<b>60.2%</b>	1	0.2%	1	0.2%	<b>325</b>	<b>65.0%</b>	<b>96</b>	<b>19.2%</b>
Nelayan	1	0.2%	2	0.4%	13	2.6%	15	3.0%	1	0.2%	7	1.4%
Petani	9	1.8%	54	10.8%	<b>161</b>	<b>32.2%</b>	<b>315</b>	63.0%	87	17.4%	95	19.0%
Penternak	-	-	-	-	1	0.2%	4	0.8%	1	0.2%	-	-
Tidak bekerja	2	0.4%	11	2.2%	13	2.6%	8	1.6%	8	1.6%	6	1.2%
Peniaga	<b>153</b>	<b>30.6%</b>	66	13.2%	88	17.6%	36	7.2%	17	3.4%	21	4.2%
Lain-lain	13	2.6%	6	1.2%	21	4.2%	13	2.6%	7	1.4%	11	2.2%

JADUAL 3: Pekerjaan Sebelum Perniagaan Responden

Pekerjaan Sebelum	Kekerapan	Peratusan
Berada pada bidang yang sama	223	44.6%
Kakitangan kerajaan	9	1.8%
Kakitangan swasta	9	1.8%
Nelayan	-	-
Suri rumah	8	1.6%

Petani	1	0.2%
Penternak	-	-
Penganggur	-	-
Lain-lain	-	-

JADUAL 4: Sebab Bertukar/Beralih Bidang Perniagaan

Faktor beralih bidang perniagaan	Kekerapan	Peratusan
Dorongan Keluarga	180	36.0%
Dorongan rakan-rakan	20	4.0%
Inisiatif diri sendiri	405	81.0%
Hilang pekerjaan	13	2.6%
Faktor agama	30	6.0%
Kemudahan dan latihan	6	1.2%
Johor Bahru sebagai bandaraya	5	1.0%
Lain-lain	5	1.0%

JADUAL 5: Profil Perniagaan Responden

Bil	Perkara	Perincian	Kekerapan	Peratusan
1).	Tahun perniagaan beroperasi	a). Sebelum 1987	13	2.6%
		b). 1987-2000	176	35.2%
		c). Selepas 2000	309	61.8%
2).	Jenis aktiviti perniagaan	a). Perniagaan Tani	9	1.8%
		b). Peruncitan dan Pemborongan	199	39.8%
		c). Pembuatan	33	6.6%
		d). Perkhidmatan	96	19.2%
		e). Restoran	115	23.0%
3).	Status Perniagaan	a. Perniagaan Tunggal	451	90.2%
		b. Perkongsian	24	4.8%
		c. Sykt. Sdn. Bhd	13	2.6%
		d. Sykt. Bhd	5	1.0%
		e. Lain-lain	1	0.2%
4).	Pendapatan bersih perniagaan	a). Bawah RM 1,000	5	1.0%
		b). RM 1,000-RM2,500	88	17.6%
		c). RM2,501-RM3,500	74	14.8%
		d). RM3,501-RM4,500	77	15.4%
		e). RM4,501-RM6,000	120	24.0%
		f). RM6,000-RM10,000	77	15.4%
		g). RM10,001-RM15,000	27	5.4%
		h). RM15,001-RM20,000	9	1.8%
		i). lebih RM20,000	18	3.6%
5).	Bilangan pekerja	<b>a).Sepenuh masa (full time)</b>		
		i). tiada	181	36.2%
		ii). 1-10	314	62.8%
		iii). 11-20	5	1.0%
		<b>b).Separuh masa (part time)</b>		
		i). tiada	433	86.6%
ii). 1-10	65	13.0%		
iii).11-20	0	0%		
6).	Modal perniagaan	<b>a).Modal permulaan</b>		
		i). Kurang RM 1,000	21	4.2%

	ii). RM 1,001- RM 5,000	88	17.6%
	iii). RM 5,001-RM 10,000	132	26.4%
	iv). Lebih RM 10,000	249	49.8%
	<b>b).Modal terkumpul kini</b>		
	i). Kurang RM 1,000	2	0.4%
	ii). RM 1,001- RM 5,000	19	3.8%
	iii). RM 5,001-RM 10,000	53	10.6%
	iv). Lebih RM 10,000	376	75.2%

JADUAL 6: Pertambahan Dalam Aset

Bil	Ciri-ciri/Aset	Rumah	Kedai/Restoran	Kereta/Van
1.	Pemilikan			
	a). Ya	<b>406(81.2%)</b>	59 (11.8%)	<b>476 (95.2%)</b>
	b). Tidak	90 (18%)	<b>438 (87.6%)</b>	19 (3.8%)
	c) . Tidak Diisi	4 (0.8)	3 (0.6)	5 (1.0)
2.	Tahun Memiliki			
	a). Sebelum 1990	35 (7.0%)	1 (0.2%)	4(0.8%)
	b). 1990-1999	<b>197 (39.4%)</b>	21 (4.2%)	52(10.4%)
	c). Selepas 2000	166(33.2%)	<b>33 (69%)</b>	<b>412(82.4%)</b>
	d). Tidak diisi	102 (20.4)	445 (89.0)	32 (6.4)
3.	Cara Memiliki			
	a). Dibeli tunai	32 (6.4%)	11 (2.2%)	39 (7.8%)
	b). Mewarisi	26 (5.2%)	2 (0.4%)	2 (0.4%)
	c). Anugerah	1 (0.2%)	-	1 (0.2%)
	d). Teroka	4 (0.8%)	-	-
	e). Sewabeli	<b>290 (58%)</b>	<b>24 (4.8%)</b>	<b>432 (86.4%)</b>
	f). Lain-lain	46 (7.2%)	15 (2.8 %)	-
	g). Tidak diisi	101 (20.2)	449 (89.3)	26 (5.2%)